

LIBERALISASI PERBAGAIMAN DAN
PERKEMBANGAN EKONOMI
PERBANDINGAN NEGARA MALAYSIA DAN SINGAPURA

MOHD AYYUBUDIN BIN MOHD JAHJUDIN

FAKULTI SAINS PUSAT PENGETAHUAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGganu

2012

СИ: ТОЛ

1100089289

Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah (UPM)
Universiti Malaysia Terengganu

LP 25 FPE | 2012



1100089289

Liberalisasi perdagangan dan pertumbuhan ekonomi : perbandingan antara negara Malaysia dan Singapura / Mohd Amiruddin Mohd Jalaludin.



**PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU**

1100089289

Lihat Sebelah

HAK MILIK

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHRAH

**LIBERALISASI PERDAGANGAN DAN
PERTUMBUHAN EKONOMI:
PERBANDINGAN ANTARA NEGARA MALAYSIA
DAN SINGAPURA**

**MOHD AMIRUDDIN BIN MOHD JALALUDIN
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**PROJEK ILMIAHINI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
PENGAJIAN**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

2012

PENGAKUAN

Saya akui Kertas Projek (ECO 4998/4999) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber lain yang telah saya jelaskan rujukannya melalui senarai rujukan yang telah dilampirkan.

14 JUN
1st Januari 2012

.....

MOHD AMIRUDDIN BIN MOHD JALALUDIN
UK21732

DECLARATION

I hereby declare that this project paper (ECO 4998/4999) is the result of my own investigation and findings except where otherwise stated other sources are acknowledged by giving explicit references is appended.

14 JUN
1st January 2012

.....

MOHD AMIRUDDIN BIN MOHD JALALUDIN
UK21732

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera...

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana berkat limpah kurniannya akhirnya dapat saya menyiapkan laporan kajian ini dengan jayanya. Memandangkan laporan kajian ini merupakan satu keperluan sebagai syarat bergraduat, maka ini tentu memerlukan bukan setakat kemahiran dan kepandaian malah memerlukan pengorbanan dan komitmen yang bersungguh-sungguh dan berterusan kepada saya bagi memenuhi keperluan program ini.

Selain itu, sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan khas buat penyelia, Prof. Madya Dr. Fauziah Binti Abu Hasan yang dengan penuh dedikasinya telah banyak memberi nasihat dan tunjuk ajar serta dorongan dalam usaha untuk menyiapkan laporan projek ini. Sekalung penghargaan buat pensyarah-pensyarah Jabatan Ekonomi yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan asas yang kukuh membentuk diri saya sepanjang pengajian saya di UMT. Sesungguhnya segala tunjuk ajar dan nasihat kalian akan saya gunakan sebagai panduan dalam meniti cabaran kehidupan yang mendatang

Teristimewa buat kedua ayahanda dan ibunda yang tercinta, Encik Mohd Jalaludin Bin Yusof dan Puan Siti Fatimah Binti Abas di atas berkat doa, dorongan dan sokongan mereka akhirnya saya berjaya menamatkan pengajian saya dan kajian yang saya lakukan dengan lengkap dan jayanya. Akhir sekali tidak lupa buat rakan-rakan seperjuangan yang turut memberi sokongan dan bantuan dalam usaha untuk memenuhi kehendak keperluan program. Segala sokongan dan kenangan manis sepanjang pengajian di UMT akan selamanya terpahat disudut hati ini buat selama-lamanya, selamat maju jaya.

Sekian, terima kasih.

Nama : Mohd Amiruddin Bin Mohd Jalaludin
Email : amir_160789@yahoo.com

ABSTRAK

Secara umumnya, kajian ini adalah untuk mengkaji liberalisasi perdagangan dan pertumbuhan ekonomi melalui perbandingan dua buah negara iaitu Malaysia dan Singapura. Keterbukaan ekonomi ini merujuk kepada tahap perkembangan di dalam aliran eksport dan aliran import sesebuah negara sekaligus dapat meningkatkan tahap liberalisasi perdagangan di Malaysia dan Singapura. Kajian ini menggunakan data siri masa sebanyak 25 tahun iaitu dari tahun 1985 hingga 2010. Kajian ini juga telah menggunakan perisian SAS iaitu *Statistical Analysis System*. Di dalam perbandingan liberalisasi perdagangan dan pertumbuhan ekonomi ini, kajian ini menggunakan model linear regresi mudah (OLS) bagi negara Malaysia dan Singapura. Data kajian telah diuji melalui beberapa pengujian iaitu pengujian t, pengujian F, dan pengujian hipotesis. Kajian ini menunjukkan bahawa liberalisasi perdagangan dan pertumbuhan ekonomi negara Malaysia adalah berbeza dengan negara Singapura di sebabkan mempunyai struktur model yang berasingan. Selain itu, penentu pembolehubah eksport bersih, tenaga buruh, dan pelaburan langsung asing (FDI) dapat mempengaruhi pertumbuhan ekonomi bagi kedua-dua buah negara tersebut.

Kata kunci : Malaysia dan Singapura, pertumbuhan ekonomi, liberalisasi perdagangan

ABSTRACT

In general, this study is to examine the trade liberalization and economic growth by comparing two countries, namely Malaysia and Singapore. The openness economy refers to the level of economic development in the flow of export and import flows of a country, thus helping to increase the level of trade liberalization on Malaysia and Singapore. This study uses the time series data of 25 years from 1985 to 2010. This study has also been using the Statistical Analysis System (SAS). In the comparison of trade liberalization and economic growth, this study uses simple regression linear model (OLS) for Malaysia and Singapore. The data have been tested through several testing the t test, F test, and hypothesis testing. This study shows that trade liberalization and economic growth in Malaysia is different from Singapore due to a structural model separately. In addition, the determinants of net exports variable, labor, and foreign direct investment (FDI) can influence economic growth for both countries.

Keyword: *Malaysia and Singapore, economic growth, trade liberalization*